



TANGGUNGJAWAB: Suzillah (empat kanan) menyerahkan replika cek dana kepada Larry samb disaksikan peserta program.



BERSIH: Pelajar FKAL bersama Suzillah (tiga kanan) membersihkan bilik asrama penempatan kucing dan anjing di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan.

Pelajar FKAL kumpul dana jayakan Projek Crowdfunding SULAM

UB 17.07.2024 P.08

LABUAN: Pelajar Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berjaya melaksanakan Projek Crowdfunding SULAM (Service Learning Malaysia University for Society) dengan mengumpul dana Crowdfunding sebanyak RM4,030.

Dana itu akan digunakan bagi mengembiri kucing dan anjing terbiar di sekitar Labuan dalam misi mengawal pembiakan kucing dan anjing liar.

Projek berkenaan adalah kolaboratif bersama UMSKAL, Persatuan Stray Free Labuan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan.

Hasil sumbangan itu diserahkan Penyelaras Program SULAM Dr. Suzillah Sidek kepada wakil Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan Dr. Larry Dave pada 30 Jun lalu.

Pelajar FKAL yang terlibat dalam menjayakan projek ini ialah Mohamed Ishaq, Afiq Danail, Kelvin Chung, Esther Ku Yin Fei dan Aoudrey James di bawah seliaan Dr Suzillah Sidek selaku penyelaras program SULAM bagi subjek Kewangan Korporat Antarabangsa.

Sementara itu, Suzillah berharap, projek Crowdfunding SULAM ini dapat mengawal populasi haiwan terbiar di Labuan bagi menjamin kualiti kehidupan yang

sihat dan selamat di komuniti setempat.

Pada masa sama katanya, projek ini secara tidak langsung menghubungkan lagi jalinan kerjasama di antara UMSKAL dengan komuniti setempat terutama di W.P. Labuan.

Majlis penyerahan dana Crowdfunding ini diakhiri dengan aktiviti gotong-royong di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan dengan membersihkan bilik asrama penempatan kucing dan anjing di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Labuan.

Aktiviti berkenaan turut disertai oleh Setiausaha Persatuan Stray Free Labuan, Anna Leong Siew Fung.